

**EDISI 1  
2017**



# **PELAN PENGURUSAN BENCANA**

**JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR BAGI  
LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SENAI**



**KEMENTERIAN  
KESIHATAN MALAYSIA**



## **KATA – KATA ALUAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI JOHOR**

Syukur kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya maka terhasillah Buku Pelan Pengurusan Bencana Jabatan Kesihatan Negeri Johor bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Senai Edisi 1/2017.

Ribuan terima kasih saya ucapan kepada semua pihak yang bertungkus lumer demi menjayakan penerbitan Buku Pelan Pengurusan Bencana Jabatan Kesihatan Negeri Johor bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Sekalung tahniah diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa buku ini yang diterajui oleh Dr Haji Md Saed bin Mian selaku Ketua Perkhidmatan Kecemasan dan Trauma Negeri Johor bersama-sama dengan Pakar Perubatan Kecemasan Negeri Johor dan juga Pegawai Kesihatan Daerah Kulai, Dr Hajjah Faridah bt Ali yang memberikan sepenuh komitmen untuk menerbitkan buku ini. Tidak lupa juga kepada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam), Dr Hajjah Fatimah bt Othman dan juga Pengarah Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai, Dr Chan Bee Keow atas kerjasama yang diberi. Adalah menjadi harapan saya agar naskhah yang diterbitkan ini dapat dijadikan sumber rujukan serta digunakan oleh semua pihak yang terlibat. Matlamat utama penerbitan buku ini adalah untuk kesiapsagaan semua pihak dalam menangani sebarang bentuk bencana yang berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Kerjasama antara semua agensi yang terlibat terutamanya dari Jabatan Kesihatan Negeri Johor beserta dengan *Senai Airport Terminal Services Sdn Bhd* serta agensi lain amatlah penting dalam usaha menyelamatkan mangsa-mangsa yang terlibat di dalam sesuatu bencana.

Sekian, terima kasih.

"Penyayang, Profesionalisme dan Kerja Berpasukan"

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Roosaimi Merican".

**DR. HJH. ROOSAIMI MERICAN BINTI A. RAHIM MERICAN**

**Pengarah Kesihatan Negeri Johor**



## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirrahim.

Tahniah diucapkan kepada Koordinator Penerbitan Buku Pelan Pengurusan Bencana Jabatan Kesihatan Negeri Johor bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Senai Edisi 1/2017 serta Ahli Jawatankuasa atas segala usaha yang dicurahkan dalam penerbitan buku ini. Tidak lupa juga kepada Pegawai Kesihatan Daerah Kulai, Dr Hajjah Faridah bt Ali, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam), Dr Hajjah Fatimah bt Othman dan Pengarah Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai, Dr Chan Bee Keow yang telah memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya dalam penghasilan buku ini.

Buku ini merupakan terbitan pertama Jabatan Kesihatan Negeri Johor yang akan dijadikan sebagai rujukan bagi menangani sebarang bentuk bencana yang berkemungkinan berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai terutamanya dalam bencana udara. Matlamat utama penghasilan buku ini ialah untuk memperjelaskan peranan dan tanggungjawab setiap agensi dan individu yang terlibat sekiranya kejadian yang tidak diingini berlaku.

Semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

"Ke Arah Perkhidmatan Kecemasan Yang Cemerlang"

**DR HJ. MD SAED BIN MIAN**

**Ketua Perkhidmatan Kecemasan dan Trauma Negeri Johor**

**AHLI JAWATANKUASA PENERBITAN BUKU PELAN PENGURUSAN**

**BENCANA JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR**

**BAGI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SENAI**

**EDISI 1/2017**

**Penasihat**

Dr Hjh Roosaimi Merican bt A. Rahim Merican

Pengarah Kesihatan Negeri Johor

**Pengerusi**

Dr Hj Md Saed b Mian

Ketua Perkhidmatan Kecemasan dan Trauma Negeri Johor

**Koordinator**

Dr Murniza bt Murad

Dr Muhammad Ramdhan b Abd Aziz

Pakar Perubatan Kecemasan

Hospital Sultanah Aminah

Dr Linayanti bt Rosli

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Ketua Penolong Pengarah (Surveilan)

Unit Kawalan Penyakit Berjangkit,

Jabatan Kesihatan Negeri Johor

**Ahli Jawatankuasa**

**Jabatan Kesihatan Negeri Johor**

**Ketua Penolong Pengarah**

Dr Jeyanthini A/P Sathasivam

**Pegawai Kesihatan Persekutaran**

Pn Noor Elliza bt Othman

**Hospital Sultanah Aminah**

**Pakar Perubatan Kecemasan**

Dr Lee Chee Siong

Dr Gan Kiat Kee

**Pegawai Perubatan Jabatan Kecemasan dan Trauma**

Dr Ismail b Jumali

**Pejabat Kesihatan Daerah Kulai**

**Pegawai Kesihatan Daerah Kulai**

Dr Hajjah Faridah bt Hj Ali

**Pegawai Perubatan**

Dr Gan Siow Chiew

Dr Nuzidah bt Jumaat

**Penolong Pegawai Perubatan**

Tn Haji Radzman b Che Rus

**Penyelia Jururawat Kesihatan**

Puan Rohani bt Hashim

**Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran**

En. Mohd Zaidin Bin Zainal Abidin

**Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai**

**Penolong Pegawai Perubatan**

Tn Haji Zayuri b Mohd Noor

**KANDUNGAN**

	<b>Tajuk</b>	<b>Mukasurat</b>
1.0	Pengenalan	1
2.0	Objektif, Konsep Dan Falsafah	3
3.0	Definisi Bencana Dan Tahap Pengurusan Bencana	5
4.0	Analisa Risiko Bencana Di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai	8
5.0	Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri Johor	10
6.0	Organisasi Perkhidmatan Di Kawasan Bencana	13
7.0	Pelan Tindakan Bencana Jabatan Kesihatan Negeri Johor Bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Senai	19
7.1	Fasa Pengaktifan Medical Emergency Coordinating Centre, Johor	20
7.2	Pengurusan Tempat Kejadian	26
7.3	Pengurusan Air Disaster Unit	28
7.4	Pengurusan Pengangkutan Mangsa Bencana	32
7.5	Fasa Pemulihan Selepas Bencana	34
7.6	Fasa Penilaian Semula Selepas Operasi Bencana	36
8.0	Action Card	37
8.1	Pasukan Tindakan Bencana HTSMTI 1	38
8.2	Pasukan Tindakan Bencana PKD Kulai	40
8.3	Pasukan Tindakan Bencana KK Kulai	45
8.4	Pasukan Tindakan Bencana HTSMTI 2	48
8.5	Pasukan Tindakan Bencana HSAJB 1	51
8.6	Pasukan Tindakan Bencana HSAJB 2	55
8.7	Pasukan Tindakan Bencana HSIJB 1	57
8.8	Pasukan Tindakan Bencana PKDJJB 1	60
8.9	Pasukan Tindakan Bencana PKDJJB 2	63
9.0	Lampiran	66
9.1	Fasa Pengaktifan Bencana Luaran Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibahim, Kulai	67
9.2	Fasa Pengaktifan Bencana Luaran Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	68

---

9.3	Carta Alir Pengaktifan Johor Disaster Medical Response Vehicle	69
9.4	Pembahagian Kawasan Bencana Mengikut Zon	70
9.5	START Triage	71
9.6	Pediatric JUMP START	72
9.7	Carta Alir Pendaftaran Pesakit DiAir Disaster Unit	73
9.8	Borang Perawatan Pesakit	74

**SINGKATAN PERKATAAN**

<b>SINGKATAN</b>	<b>NAMA PENUH</b>
ADU	Air Disaster Unit
AVSEC	Aviation Security
CBRN	Chemical, Biological, Radiological and Nuclear
CC	Clinical Commander
CPRC	Crisis Response and PreparednessCentre
GIRN	Government Intergrated Radio Network
HSAJB	Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru
HSIJB	Hospital Sultan Ismail Johor Bahru
HTSMTI	Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim
JDMRV	Johor Disaster Medical Response Vehicle
JKNJ	Jabatan Kesihatan Negeri Johor
JKT	Jabatan Kecemasan dan Trauma
JT	Jururawat Terlatih
KK	Klinik Kesihatan
LTAS	Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
MBC	Medical Base Commander
MECC	Medical Emergency Coordinating Center
MELO	Medical Liaison Officer
MRP	Medical Rescue Personnel
MTO	Medical Triage Officer
OMC	On Scene Medical Commander
OSC	On Scene Commander
PFA	Psychosocial First Aid
PKD	Pejabat Kesihatan Daerah
PKOB	Pusat Kawalan Operasi Bencana
PKP	Pegawai Kesihatan Persekutaran
PKTK	Pusat Kawalan Tempat Kejadian

PMSB	Pantai Medical Sdn Bhd
PTB	Pasukan Tindakan Bencana
PTJ	Pusat Tanggungjawab
PPA	Pusat Panggilan Ambulans
PPP	Penolong Pegawai Perubatan
PPKP	Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran
PKA	Pembantu Kesihatan Awam
PPK	Pembantu Perawatan Kesihatan
SATS	Senai Airport Terminal Services
SOP	Standard Operating Procedure
SRC	Survivor Reception Centre
START	Simple Triage and Rapid Treatment
TO	Transport Officer
VTO	Victim Tracking Officer

# 1.0

# PENGENALAN

## 1.0 PENGENALAN

Menurut Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara, kejadian “Bencana” ditakrifkan sebagai suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara. Insiden ini boleh melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan pengembangan sumber yang ekstensif.

Persediaan bagi menangani kemungkinan berlaku bencana di LTAS hendaklah dirancang secara menyeluruh dan teliti kerana ia melibatkan sebuah lapangan terbang bertaraf antarabangsa. Koordinasi di antara JKNJ dengan agensi-agensi lain seperti Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta tidak ketinggalan SATS Sdn Bhd yang bertindak sebagai peneraju pengurusan LTAS adalah amat penting supaya pengurusan bencana di LTAS dapat ditangani dengan efisien.

Insiden-insiden berskala besar seperti ini memerlukan pengurusan sumber manusia, peralatan serta kemahiran khas dari pelbagai agensi. Analisa risiko yang menyeluruh terutamanya di dalam bencana udara adalah penting supaya setiap kemungkinan yang boleh berlaku dapat dijangka. Dengan itu pelan tindakan dapat diambil secara fokus dan komprehensif. Koordinasi secara efektif diperlukan bukan sahaja semasa berlakunya bencana tetapi juga semasa pasca bencana kerana jangkamasa pemulihan pasca bencana mungkin mengambil masa yang lama dan berpanjangan.

Pelan tindakan bencana ini adalah penting dan mesti diketahui serta difahami oleh setiap wargakerja JKNJ. Ia merupakan garispanduan bagi setiap anggota dalam menghadapi sebarang kemungkinan bencana di LTAS yang datang dalam pelbagai bentuk dan pada bila-bila masa. Pelan ini mudah difahami dan dapat digunakan dalam setiap keadaan dan juga oleh setiap yang terlibat. Pelan ini juga akan dikaji semula dan diperbaiki secara berkala supaya ianya bersesuaian dengan keperluan semasa.

## 2.0

# OBJEKTIF, KONSEP DAN FALSAFAH

## 2.0 OBJEKTIF, KONSEP DAN FALSAFAH

2.1 Objektif Buku Pelan Pengurusan Bencana JKNJ bagi LTAS ini adalah:

- 2.1.1 Sebagai dokumen rujukan bagi operasi perawatan mangsa bencana
- 2.1.2 Mewujudkan sistem yang membolehkan setiap pihak yang terlibat bekerja sebagai satu pasukan
- 2.1.3 Mengenalpasti semua risiko dan ancaman yang berkemungkinan berlaku di LTAS.
- 2.1.4 Mengenalpasti kemudahan dan sumber yang ada di JKNJ bagi menghadapi bencana
- 2.1.5 Menyelaras semua aktiviti berkaitan bencana.

## 3.0

# DEFINISI DAN TAHAP PENGURUSAN BENCANA

### **3.0 DEFINISI DAN TAHAP PENGURUSAN BENCANA**

#### **3.1 Definisi bencana**

- 3.1.2. Menurut Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara (semakan semula 2012), kejadian “Bencana” ertinya suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan Negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan pengembangan sumber yang ekstensif.
- 3.1.3 Lima agensi yang dikenal pasti sebagai agensi utama adalah Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Agensi Pertahanan Awam Malaysia dan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia. Di dalam bencana yang melibatkan lapangan terbang, penglibatan pihak yang bertanggungjawab menguruskan operasi lapangan terbang adalah sangat penting. Di LTAS, pihak yang bertanggungjawab adalah SATS.
- 3.1.4 Kejadian ini memerlukan pengendalian yang komprehensif serta melibatkan sumber, peralatan, kecekapan dan tenaga manusia yang lebih meluas daripada pelbagai agensi serta penyelarasaran yang berkesan di mana kemungkinan memerlukan tindakan yang kompleks dan jangkamasa yang panjang.
- 3.1.5 PTB memainkan peranan yang penting dalam triaj mangsa bencana dan memberikan rawatan awal kepada mangsa sebelum menghantar mangsa ke hospital untuk rawatan lanjut.
- 3.1.6 Pengisytiharan bencana adalah dinamik, bergantung kepada sumber pada sesuatu masa dan mestilah melalui Pengarah

Kesihatan Negeri Johor atas nasihat Ketua Perkhidmatan Kecemasan dan Trauma Negeri Johor.

### **3.2 Fasa pengurusan bencana**

- 3.2.1 Tahap pengurusan bencana adalah bergantung kepada penilaian Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat daerah, negeri atau pusat. Penilaian tersebut hendaklah berdasarkan elemen-elemen seperti berikut :
- 3.2.1.1 Kerumitan dan skala magnitud
  - 3.2.1.2 Kemusnahan dan kerosakan
  - 3.2.1.3 Kemampuan sumber kewangan, tenaga manusia dan kelengkapan
  - 3.2.1.4 Kepakaran
  - 3.2.1.5 Bantuan
  - 3.2.1.6 Tempoh masa tindakbalas
- 3.2.2 Pengurusan Bencana Tahap I ialah pengurusan dan pengendalian kejadian bencana yang berlaku di sesuatu kawasan. Ianya dapat ditangani dengan berkesan oleh agensi-agensi yang terlibat di dalam pengurusan bencana di Peringkat Daerah sama ada tanpa bantuan luar atau dengan bantuan luar yang terhad.
- 3.2.3 Pengurusan Bencana Tahap II ialah pengurusan dan pengendalian kejadian bencana yang berlaku melebihi daripada satu daerah dalam negeri yang sama. Ianya memerlukan pengembangan sumber di peringkat negeri dengan bantuan daripada peringkat pusat yang terhad.
- 3.2.4 Pengurusan Bencana Tahap III ialah pengurusan dan pengendalian kejadian bencana yang berlaku melebihi daripada satu negeri atau bersifat kompleks yang memerlukan penyelarasan dan pengembangan sumber di peringkat pusat atau dengan bantuan luar negara.

## 4.0

# **ANALISA RISIKO BENCANA DI LTAS**

#### **4.0 ANALISA RISIKO BENCANA DI LTAS**

- 4.1 Kapal terhempas di lapangan terbang
- 4.2 Kemalangan kapal terbang di landasan atau terminal
- 4.3 Ancaman bom dalam kapal terbang
- 4.4 Rampasan kapal terbang
- 4.5 Penemuan ancaman kargo berisiko CBRN
- 4.6 Kebakaran bangunan lapangan terbang
- 4.7 Runtuhan bangunan akibat serangan pengganas atau perlanggaran oleh kapal terbang

## 5.0

# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PERINGKAT NEGERI JOHOR

## 5.0 JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PERINGKAT NEGERI JOHOR

5.1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri Johor adalah mengikut Plan Tindakan Bencana Negeri Johor Edisi 1/2009. Jawatankuasa ini terdiri daripada:


- 5.1.1 Pengarah Kesihatan Negeri
- 5.1.2 Timbalan-timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Bahagian Perubatan, Pengurusan, Kesihatan Awam, Pergigian dan Farmasi)
- 5.1.3 Ketua-ketua Penolong Pengarah Kesihatan (Bahagian Epidemiologi, *Non-Communicable Disease*, Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, Pergigian Negeri, Pembangunan Negeri, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar, Kesihatan Keluarga,Farmasi Negeri, Perubatan Negeri, Pemakanan Negeri)
- 5.1.4 Semua Pegawai Kanan Kesihatan Daerah
- 5.1.5 Semua Pengarah Hospital Daerah
- 5.1.6 Pengarah Hospital Permai
- 5.1.7 Ketua Perkhidmatan Kecemasan dan Trauma Negeri Johor
- 5.1.8 Ketua Forensik Negeri
- 5.1.9 Pengarah Makmal Kesihatan Awam Negeri
- 5.1.10 Pegawai Rekod Negeri
- 5.1.11 Pegawai Perhubungan Awam Negeri
- 5.1.12 Wakil PMSB

5.2 Peranan dan tanggungjawab setiap ahli jawatankuasa adalah berpandukan *Action Card* yang disediakan di dalam Buku Plan Tindakan Bencana Negeri Johor edisi 1/2009.

5.3 Bilik Gerakan Bencana Negeri atau CPRCakan dipengerusikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri. CPRCakan diaktifkan oleh Pengarah Kesihatan Negeri atas nasihat Ketua Perkhidmatan Kecemasan dan Trauma Negeri Johor.

5.4 Stor bencana Negeri Johor yang dahulunya terletak di HTSMTI, kini telah berpindah ke HSAJB dan terletak di bawah tanggungjawab JKT HSAJB

## RAJAH 1: JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PERINGKAT NEGERI JOHOR



# **6.0**

# **ORGANISASI**

# **PERKHIDMATAN DI**

# **KAWASAN BENCANA**

## 6.0 ORGANISASI PERKHIDMATAN DI KAWASAN BENCANA

- 6.1 Perkhidmatan kecemasan semasa bencana di LTASakandiketuai oleh OMC. Sila rujuk Rajah 2
  - 6.1.1 OMC merupakan pegawai terkanan yang bertugas di ADU. OMC akan dibantu oleh beberapa orang *Commander* dari kawasan bencana dan ADU iaitu MBC, FMC dan CC.
  - 6.1.2 Semasa fasa pengaktifan pertama, Pegawai Kesihatan Daerah Kulai akan menjadi OMC. Beliau juga memegang tanggungjawab sebagai MBC.
  - 6.1.3 Sekiranya berlanjutan ke fasa pengaktifan kedua, tugas OMCakan diambil alih oleh Pakar Perubatan Kecemasan dari PTB HSAJB 1.
- 6.2 Peranan OMC adalah:
  - 6.2.1 Berpusat di ADU dan menyelaras semua aktiviti klinikal dan bukan klinikal di kawasan bencana dan ADU.
  - 6.2.2 Memastikan perjalanan triaj dan rawatan awal mangsa bencana di kawasan bencana adalah teratur dan terkawal dengan bantuan FMC.
  - 6.2.3 Bekerjasama dengan MBC dalam pengurusan bukan klinikal di ADU.
  - 6.2.4 Melantik Pakar Perubatan Keluarga dari PKDJB sebagai MELO, yang menjadi perantara pasukan perubatan dengan OSC dan PKOB. (Sekiranya *Second Responder* diaktifkan).

*Nota:OMC-On Scene Medical Commander, MBC-Medical Based Commander, FMC-Field Medical Commander, CC-Clinical Commander, ADU-Air Disaster Unit, MELO-Medical Liason Officer, PKOB-Pusat Kawalan Operasi Bencana*

- 6.2.5 Memastikan perawatan mangsa-mangsa bencana termasuk dokumentasi rawatan di setiap zon bencana adalah lancar dan terkawal dengan melantik CC. Pegawai Perubatan dari PTB KK Kulai akan menjadi CC sekiranya hanya *First Responder* sahaja diaktifkan. Sekiranya *Second Responder* diaktifkan, Pegawai Perubatan dari PTB HSAJB 1, akan mengambil alih tugas CC.
  - 6.2.6 Memastikan pengenalan mangsa bencana adalah tepat dengan melantik VTO. JT dari PTB KK Kulai akan dilantik sebagai VTO sekiranya hanya *First Responder* diaktifkan. Sekiranya *Second Responder* diaktifkan, JT PTB HSAJB 1 akan mengambil alih VTO.
  - 6.2.7 Memastikan laluan *ingress* dan *egress* ambulans dan penghantaran mangsa bencana ke hospital adalah teratur dengan melantik TO. Pemandu dari PTB KK Kulai akan dilantik sebagai TO sekiranya hanya *First Responder* diaktifkan. Sekiranya melibatkan pengaktifan *Second Responder*, Pemandu PTB HSAJB 1 akan mengambil alih tugas TO.
  - 6.2.8 Penyediaan laporan bantuan perubatan bencana ke JKNJ.
- 6.3 Peranan MBC adalah:
- 6.3.1 Berpusat di ADU dan bertanggungjawab memastikan pembukaan ADU semasa bencana dan pengurusan bukan klinikal ADU berjalan lancar.
  - 6.3.2 Juga bertanggungjawab mengetuai CPRC Daerah Kulai yang akan berkomunikasi dengan CPRC Negeri untuk menyalurkan sebarang maklumat yang berkaitan.

*Nota:OMC-On Scene Medical Commander, MBC-Medical Based Commander, FMC-Field Medical Commander, CC-Clinical Commander, ADU-Air Disaster Unit, MELO-Medical Liason Officer, PKOB-Pusat Kawalan Operasi Bencana*

- 6.3.3 Memastikan keperluan sumber manusia mencukupi.
- 6.3.4 Memastikan keperluan logistik yang diperlukan di ADU mencukupi.
- 6.3.5 Memastikan kebajikan staf dan mangsa terjaga.
- 6.3.6 Memastikan ADU sentiasa bersedia menerima kemasukan mangsa baru.
- 6.3.7 Memastikan ADU sentiasa bersih dan mengikut polisi kawalan jangkitan.

6.4 FMC:

- 6.4.1 Beliau adalah PPP dari PTB HTSMTI 1 yang merupakan *First Responder* ke kawasan bencana.
- 6.4.2 Beliau bertanggungjawab:
  - 6.4.2.1 Sebagai pasukan peninjau dan menilai situasi kejadian (*situational analysis*).
  - 6.4.2.2 Membuat anggaran mangsa yang terlibat.
  - 6.4.2.3 Menilai jenis / sifat bencana.
  - 6.4.2.4 Perkhidmatan sokongan yang diperlukan dengan member maklumbalas kepada MECC Johor.
  - 6.4.2.5 Melakukan *rapid primary triaging* menggunakan sistemSTART.
  - 6.4.2.6 Memberi maklum balas kepada MECC Johor samada bantuan tambahan diperlukan atau tidak.

*Nota: OMC-On Scene Medical Commander, MBC-Medical Based Commander, FMC-Field Medical Commander, CC-Clinical Commander, ADU-Air Disaster Unit, MELO-Medical Liason Officer, PKOB-Pusat Kawalan Operasi Bencana*


- 6.4.2.7 Menyediakan *medical base* sementara di kawasan bencana sekiranya keperluan timbul.
- 6.4.2.8 Menyelarasanggota PTB untuk triaj mangsa, pemindahan mangsa dari *Collecting Point* ke *Medical Base* sementara atau ADU.
- 6.4.2.9 Memberi rawatan awal kepada mangsa bencana.

#### 6.5 Peranan CC

- 6.5.1 Bertanggungjawab ke atas VTO dan TO.
  - 6.5.2 Mengetuai segala aktiviti zon klinikal di ADU iaitu di Zon Merah, Zon Kuning dan Zon Hijau.
  - 6.5.3 Triaj semula mangsa mengikut zon.
  - 6.5.4 Memberikan maklumat terkini kepada OMC.
  - 6.5.5 Memastikan VTO mendapatkan maklumat mangsa dengan tepat.
  - 6.5.6 Memastikan bilangan mangsa yang dirawat adalah selaras dengan maklumat daripada PKTK/PKOB.
  - 6.5.7 Memastikan mangsa yang dirawat dihantar ke hospital/klinik kesihatan oleh TO.
- 6.6 Peranan anggota-anggota lain semasa bencana akan dijelaskan di dalam *Action Card* masing-masing.

*Nota: OMC-On Scene Medical Commander, MBC-Medical Based Commander, FMC-Field Medical Commander, CC-Clinical Commander, ADU-Air Disaster Unit, MELO-Medical Liason Officer, PKOB-Pusat Kawalan Operasi Bencana*

## RAJAH 2: RANTAIAH ARAHAN PASUKAN TINDAKAN BENCANA



## 7.0

# PELAN TINDAKAN BENCANA

## 7.0 PELAN TINDAKAN BENCANA

Pelan ini terbahagi kepada beberapa perkara iaitu:

- Fasa Pengaktifan MECC Johor
- Pengurusan Kawasan Bencana
- Pengurusan ADU
- Fasa Pergerakan Mangsa Bencana
- Fasa Pemulihan Semula Selepas Operasi Bencana

Pengaktifan Pelan Tindakan Bencana Luaran hospital adalah mengikut pelan hospital masing-masing.


### 7.1 Fasa Pengaktifan MECC Johor

- 7.1.1 Maklumat kejadian bencana di LTAS akan diterima oleh *Call Taker* di MECC Johor melalui talian terus dari LTAS
- 7.1.2 *Call Taker* hendaklah merekodkan segala maklumat yang diperlukan mengikut SOP yang telah ditetapkan
- 7.1.3 Jika ***Local Standby*** diminta, *Call Dispatcher* akan **mengaktifkan PTB HTSMTI 1, PTB PKD Kulai dan PTB KK Kulai** supaya bersiap sedia di PTJ masing-masing.
- 7.1.4 Jika ***Full Emergency*** diisyiharkan, *Call Dispatcher* akan **mengkoordinasi penghantaran PTB dalam tiga fasa** iaitu **Fasa Pengaktifan I,II dan III** mengikut keperluan.
- 7.1.5 Fasa Pengaktifan I mellibatkan penghantaran PTB HTSMTI 1, PTB PKD Kulai dan PTB KK Kulai.
- 7.1.6 ***Call Dispatcher*** akan menghubungi **PTB HTSMTI melalui Pusat Panggilan Ambulans di Unit Kecemasan, HTSMTI**.
- 7.1.7 Untuk **pengaktifan PTB PKD Kulai dan PTB KK Kulai**, *Call Dispatcher* akan menghubungi **Pegawai Kesihatan Daerah Kulai**. Pegawai Kesihatan Daerah Kulai akan mengaktifkan infoblas untuk memanggil ahli PTB yang terlibat.
- 7.1.8 **PTB HTSMTI 1 akan terus ke kawasan bencana.PTB PKD Kulaidan PTB KK Kulai akan melapor diri kepada Pegawai**


**Kesihatan Daerah Kulai di Bilik Mesyurat Pejabat Kesihatan Daerah sebelum kedua-dua pasukan bergerak ke ADU.** PTB PKD Kulai akan membuka dan menguruskan ADU untuk kemasukan mangsa bencana sementara PTB KK Kulai bersiap sedia untuk merawat mangsa yang akan dihantar ke ADU


- 7.1.9 Fasa Pengaktifan II akan diaktifkan setelah mendapat maklum balas dari PTB HTSMTI 1 sekiranya bantuan tambahan diperlukan. Fasa ini melibatkan penghantaran PTB HTSMTI 2, PTB HSAJB 1 dan 2, PTB HSIJB, PTB PKDJJB 1 dan JDMRV
- 7.1.10 Fasa Pengaktifan III melibatkan penghantaran PTB PKDJJB 2
- 7.1.11 Carta Alir Pengaktifan JDMRV - Sila rujuk Lampiran 9.3
- 7.1.11 Sila rujuk *Action Card* untuk penerangan tugas setiap ahli PTB

### RAJAH 3: CARTA ALIR PENGAKTIFAN PELAN TINDAKAN BENCANA




### RAJAH 3.1: CARTA ALIR PENGAKTIFAN PELAN TINDAKAN BENCANA: FULL EMERGENCY





#### RAJAH 4: RINGKASAN CARTA ALIR PENGAKTIFAN PASUKAN TINDAKAN BENCANA



## 7.2 Pengurusan Kawasan Bencana

- 7.2.1 Tatacara kerja umum bagi setiap PTB adalah seperti berikut:
- 7.2.1.1 Semua PTB perlu berkumpul di *Gate 4*
  - 7.2.1.2 Pergerakan PTB akan diselaras oleh AVSEC untuk menjamin keselamatan anggota perubatan. Setiap PTB (kecuali PTB HTSMTI 1) hendaklah terus ke ADU
  - 7.2.1.3 Setiap PTB hendaklah mengambil *Action Card* masing-masing di ADU (kecuali PTB HTSMTI 1 dimana *Action Card* mereka terletak di HTSMTI) dan melapor diri di Bilik Operasi ADU
  - 7.2.1.3 Setiap PTB hendaklah dilengkapi dengan peralatan yang sesuai termasuk GIRN
  - 7.2.1.4 Saluran GIRN yang akan digunakan adalah '*Johor Disaster 6*'
  - 7.2.1.5 PTB tidak dibenarkan memasuki zon merah kawasan bencana kecuali dengan kebenaran OSC
- 7.2.2 PTB HTSMTI 1 yang terdiri daripada seorang PPP, JT, PPK dan Pemandu Ambulans adalah pasukan pertama yang akan tiba di kawasan bencana
- 7.2.3 Pasukan ini akan membuat 5S (*safety, scene size up, send information, set up temporary medical base, START triage*). 5S ini telah dijelaskan dengan terperinci di dalam tugas-tugas FMC.
- 7.2.4 Pasukan ini juga bertanggungjawab dalam memberi rawatan awal kepada mangsa, pemindahan mangsa dari *Collecting Point* ke *Medical Base* sementara atau ADU.


- 7.2.5 PPP dari PTB HTSMTI 1 yang bertindak sebagai FMC juga bertanggungjawab untuk menyelaras pergerakan PTB yang diarahkan ke kawasan bencana
- 7.2.6 Pembahagian kawasan bencana mengikut zon-zon – Sila rujuk Lampiran 9.4
- 7.2.7 Sistem START – Sila rujuk Lampiran 9.5
- 7.2.8 Sistem Jump START (untuk kanak-kanak) – Sila rujuk Lampiran 9.6

### 7.3 Pengurusan ADU


- 7.3.1 Pengurusan bukan klinikal ADU adalah di bawah tanggungjawab MBC dan pengurusan klinikal mangsa-mangsa bencana di ADU adalah di bawah tanggungjawab CC
- 7.3.2 Selepas PTB PKD Kulai diaktifkan, PKA bertugas akan terus bergerak ke Post Guard 5 untuk mengambil bag kunci ADU
- 7.3.3 Beliau akan membuka stor dan ADU dan menghubungi pegawai *Senai Cargo (07 599 0714)* untuk menyediakan jentera *forklift* untuk memindahkan peralatan yang diperlukan ke ADU
- 7.3.4 PPKP dari PTB PKD Kulai bertanggungjawab untuk memastikan pembukaan zon-zon klinikal di ADU dan juga peralatan perubatan yang diperlukan untuk merawat mangsa-mangsa bencana hendaklah mencukupi
- 7.3.5 ADU akan dibahagikan kepada beberapa zon klinikal iaitu Zon Triaj, Zon Merah, Zon Kuning, Zon Hijau dan Zon Putih. Satu kawasan khas untuk Bilik Operasi ADU juga akan dibuka. Kawasan ingress dan egress ambulans juga telah dikenal pasti
- 7.3.6 Semua ahli PTB akan melapor diri kepada OMC dan mengambil *Action Card* masing-masing di Bilik Operasi ADU
- 7.3.7 Seorang PPKP akan menjadi Pegawai Pendaftaran yang akan merekod setiap pergerakan ahli PTB
- 7.3.8 ADU akan menerima kemasukan semua mangsa bencana dari kawasan bencana
- 7.3.9 Semua mangsa yang sampai ke ADU hendaklah di triaj semula oleh CC. Mangsa yang ditrijaj Merah akan dihantar ke Zon Merah, mangsa yang ditrijaj Kuning akan dihantar ke Zon Kuning, mangsa yang di triaj Hijau akan dihantar ke Zon Hijau dan mangsa yang ditrijaj Putih akan dihantar ke Zon Putih.

- 7.3.10 CC dengan dibantu oleh Pegawai Perubatan dan PPP akan merawat mangsa-mangsa bencana di zon-zon klinikal. Semua kecederaan mangsa bencana dan rawatan yang telah diberikan akan di rekod di dalam Kad Rawatan Mangsa Bencana LTAS
- 7.3.11 VTO akan bertanggungjawab untuk pendaftaran mangsa dan memastikan identifikasi mangsa dan jumlah mangsa yang dihantar masuk dan keluar dari ADU adalah sama dengan jumlah mangsa sebenar dari kawasan bencana
- 7.3.12 TO akan bertanggugjawab untuk menguruskan pergerakan ambulans untuk menghantar mangsa bencana ke hospital atau klinik kesihatan atas arahan OMC dan CC
- 7.3.13 Carta alir pendaftaran pesakit di ADU. Sila rujuk Lampiran 9.7
- 7.3.14 Kad Rawatan Mangsa Bencana LTAS. Sila rujuk Lampiran 9.8

## RAJAH 5: PENGURUSAN AIR DISASTER UNIT



## RAJAH 6: PEMBAHAGIAN ZON-ZON RAWATAN MANGSA BENCANA DI AIR DISASTER UNIT



## 7.4 Pergerakan Mangsa Bencana

- 7.4.1 Pergerakan mangsa bencana dan perkhidmatan ambulans akan diselaras oleh OMC dengan bantuan FMC dan CC
- 7.4.2 Semua mangsa bencana Tag Merah, Tag Kuning dan Tag Hijau akan dihantar ke ADU dari *Collecting Point* atau *Medical Base* sementara. Mangsa Tag Merah dan Tag Kuning akan dihantar menggunakan ambulans, sementara mangsa Tag Hijau akan dihantar menggunakan kenderaan LTAS atau syarikat penerbangan
- 7.4.3 Mangsa Tag Putih (termasuk bahagian badan yang tercerai) akanditempatkan di mortuari sementara di kawasan bencana dan dihantar ke Jabatan Forensik hospital dengan kenderaan polis.
- 7.4.4 Mangsa bencana yang sampai ke ADU akan di triaj semula oleh CC
- 7.4.5 Mangsa Tag Merah akan diletakkan di Zon Merah, mangsa Tag Kuning akan diletakkan di Zon Kuning dan mangsa Tag Hijau akan diletakkan di Zon Hijau dimana setiap mangsa akan diberi rawatan awal oleh pasukan perubatan yang telah ditetapkan
- 7.4.6 Mangsa Zon Merah dan Zon Kuning akan dihantar ke hospital yang ditentukan oleh OMC menggunakan ambulans
- 7.4.7 Mangsa Zon Hijau yang memerlukan rawatan lanjutakan dihantar ke hospital atau klinik kesihatan yang berhampiran dengan menggunakan kenderaan LTAS atau syarikat penerbangan.
- 7.4.8 Mangsa Zon Hijau yang di discaj akan dihantar ke SRC oleh pihak lapangan terbang atau kakitangan syarikat penerbangan.
- 7.4.9 Tanggungjawab OMC terhadap mangsa Tag Putih
  - 7.4.9.1 Bekerjasama dengan polis

7.4.9.2 Bekerjasama dengan Ketua Forensik Negeri di CPRC negeri

7.4.9.3 Menyediakan mortuari sementara untuk mangsa yang meninggal dunia ketika dirawat di ADU.

## 7.5 FASA PEMULIHAN

- 7.5.1 Prosedur berakhirnya amaran bencana (*Stand Down*)
- 7.5.1.1 Arahan *stand down* di tempat kejadian akan diumumkan oleh OSC.
- 7.5.1.2 Arahan *stand down* di ADU akan diumumkan oleh Pengarah Negeri setelah medapat nasihat daripada Ketua Perkhidmatan Kecemasan dan Trauma Negeri Johor kepada PKOB melalui MELO.
- 7.5.2 Apabila menerima arahan *stand down* atau berakhirnya operasi bencana, tindakan pemulihan dan pengurusan selepas operasi ini perlu diambil oleh semua pihak yang berkenaan.
- 7.5.3 Tindakan pemulihan dan pengurusan termasuk
- 7.5.3.1 *Head count* anggota bertugas
- 7.5.3.2 *Equipment count*
- 7.5.3.3 Pembersihan di ADU
- 7.5.3.4 Laporan perawatan di ADU
- 7.5.3.5 Melapor diri kepada OSC untuk *sign out*
- 7.5.4 Isu kesihatan berkenaan kawalan infeksi di ADU selepas *Stand Down*
- 7.5.4.1 Pencegahan penyakit berjangkit adalah dibawah tanggungjawab Pasukan Kawalan Infeksi dan Sinar Jernih dari PKD Kulai. Dekontaminasi kawasan dan peralatan hendaklah mengikut Polisi Kawalan Jangkitan Kementerian Kesihatan Malaysia 2009.

7.5.4.2 Kawalan vektor adalah di bawah tanggungjawab Pasukan Kawalan Vektor PKD Kulai. Pemeriksaan persekitaran kawasan bencana bagi mengenalpasti tempat berpotensi pemberian dan menjalankan aktiviti kawalan.

#### 7.5.5 Kebajikan petugas dan mangsa

- I. Pengurusan tekanan perasaan (*stress management*) – Khidmat *Psychosocial First Aid* (PFA) dari PKD Kulai
- II. Ganjaran – tuntutan lebih masa, surat penghargaan, ex gratia
- III. Pengurusan dana – Jabatan Kebajikan Masyarakat / Badan Bukan Kerajaan / Ahli politik

## 7.6 FASA PENILAIAN SEMULA SELEPAS OPERASI BENCANA

Fasa ini akan diselaraskan oleh Pengarah Kesihatan Negeri Johor berpandukan Buku Plan Tindakan Bencana Negeri Johor Edisi 1/2009

### 7.6.1. Post mortem kejadian bencana

- I. Analisa situasi dan audit
- II. Perkhidmatan kecemasan
- III. Perkhidmatan klinikal
- IV. Perkhidmatan bukan klinikal
- V. Langkah pemulihan bagi mengatasi masalah kekurangan dalam perkhidmatan, kakitangan, alatan, kewangan dan lain-lain

## 8.0

# ACTION CARD

## PASUKAN TINDAKAN BENCANA HTSMTI 1

### PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN UNIT KECEMASAN DAN TRAUMA

### JURURAWAT UNIT KECEMASAN DAN TRAUMA

#### ACTION CARD

<b>PERANAN</b>	<b>PASUKAN TINDAKAN BENCANA HTSMTI 1</b>
<b>LOKASI</b>	<b>KAWASA BENCANA</b>

#### TINDAKAN

1. Melapor diri kepada On Scene Commander di Pusat Kawalan Tempat Kejadian
2. Bertindak sebagai Forward Medical Commander
3. Mengetuai dan memberi arahan kepada ahli-ahli dalam pasukan yang terdiri :-
  - a. Jururawat Terlatih
  - b. Pem. Perawatan Kesihatan
  - c. Pemandu
4. Melakukan *scene size up* dan melapor serta memberi maklumbalas kepada MECC Johor sama ada bantuan tambahan diperlukan atau tidak
5. Mendirikan Medical Base sementara, triaj mangsa dan memberikan rawatan awal kepada mangsa bencana
6. Memberikan laporan terkini dari masa ke masa kepada MECC Johor
7. Menguruskan penghantaran pesakit ke Air Disaster Unit
8. Menyediakan mortuari sementara untuk mangsa tag putih

#### ACTION CARD

<b>PERANAN</b>	<b>PASUKAN TINDAKAN BENCANA HTSMTI 1</b>
<b>LOKASI</b>	<b>KAWASAN BENCANA</b>

#### TINDAKAN

1. Melapor diri kepada On Scene Commander di Pusat Kawalan Tempat Kejadian
2. Menerima dan melakukan arahan yang diberikan oleh Forward Medical Commander (FMC) dan On Scene Medical Commander (OMC)
3. Bertugas sebagai Medical Triage Officer dan membantu FMC dalam triaj mangsa dan memberikan rawatan awal di lokasi kejadian.
4. Mengiringi mangsa ke ADU/hospital sekiranya perlu.

**Perhatian :** Sila pulangkan "Action Card" ini ke Bilik Gerakan ADU selepas tamat bertugas atau selepas "Stand Down" diumumkan

**Perhatian :** Sila pulangkan "Action Card" ini ke Bilik Gerakan ADU selepas tamat bertugas atau selepas "Stand Down" diumumkan

**PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN  
UNIT KECEMASAN DAN TRAUMA**

**PEMANDU AMBULANS  
UNIT KECEMASAN DAN TRAUMA**

**ACTION CARD**

**PERANAN** PASUKAN TINDAKAN  
BENCANA HTSMTI 1  
**LOKASI** KAWASAN BENCANA

**TINDAKAN**

1. Melapor diri kepada On Scene Commander di Pusat Kawalan Tempat Kejadian
2. Menerima dan melakukan arahan yang diberikan oleh Forward Medical Commander (FMC) dan On Scene Medical Commander
3. Bertugas sebagai Evacuation Officer untuk mengangkut mangsa ke "Medical Base Sementara"
4. Membantu FMC memberi rawatan awal kepada mangsa bencana

**Perhatian :** Sila pulangkan "Action Card" ini ke Bilik Gerakan ADU selepas tamat bertugas atau selepas "Stand Down" diumumkan

**ACTION CARD**

**PERANAN** PASUKAN TINDAKAN  
BENCANA HTSMTI 1  
**LOKASI** KAWASAN BENCANA

**TINDAKAN**

1. Melapor diri kepada On Scene Commander di Pusat Kawalan Tempat Kejadian
2. Menerima dan melakukan arahan yang diberikan oleh Forward Medical Commander (FMC) dan On Scene Medical Commander
3. Bertugas sebagai Evacuation Officer untuk mengangkut mangsa ke "Medical Base Sementara"
4. Membantu FMC memberi rawatan awal kepada mangsa bencana
5. Menghantar mangsa bencana ke ADU/hospital

**Perhatian :** Sila pulangkan "Action Card" ini ke Bilik Gerakan ADU selepas tamat bertugas atau selepas "Stand Down" diumumkan

**PASUKAN TINDAKAN BENCANA PKD KULAI**

<b>PEGAWAI KESIHATAN DAERAH KULAI</b>		<b>PEGAWAI KESIHATAN DAERAH KULAI</b>	
<b>PERANAN</b>	<b>MEDICAL BASE COMMANDER (MBC)</b>	<b>PERANAN</b>	<b>MEDICAL BASE COMMANDER (MBC)</b>
<b>LOKASI</b>	<b>AIR DISASTER UNIT</b>	<b>LOKASI</b>	<b>AIR DISASTER UNIT</b>
<b>TINDAKAN</b>		<b>TINDAKAN</b>	
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengambil Action Card di Air Disaster Unit (ADU)</li><li>2. Menjadi (OMC) dan menjalankan tanggungjawab OMC sekiranya hanya Fasa Pengaktifan 1 sahaja diaktifkan (sila rujuk Action Card Pakar Perubatan Kecemasan PTB HSAJB1 sebagai OMC)</li><li>3. Menyerah tugas OMC kepada Pakar Perubatan Kecemasan dari PTB HSAJB1 sekiranya Fasa Pengaktifan II di aktifkan</li><li>4. Juga berperanan sebagai MBC yang menguruskan perjalanan bukan klinikal ADU</li><li>5. Membuka ADU dan membuat persediaan untuk menerima dan merawat mangsa bencana</li><li>6. Memastikan pembukaan zon-zon bencana di ADU</li><li>7. Memastikan keperluan sumber manusia mencukupi</li></ol>		<ol style="list-style-type: none"><li>8. Memastikan keperluan logistik mencukupi</li><li>9. Memastikan semua peralatan perubatan serta bukan perubatan mencukupi termasuk alatulis, borang-borang dokumen</li><li>10. Memastikan kebajikan staf dan mangsa terpelihara</li><li>11. Memastikan ADU sentiasa bersih dan mengikut polisi kawalan jangkitan</li><li>12. Memberikan maklumbalas terkini kepada OMC</li><li>13. Memastikan kerjasama antara setiap ahli pasukan</li><li>14. Memastikan kemudahan sanitasi di sediakan</li><li>15. Memastikan ADU dalam keadaan sedia kala selepas tamatnya operasi bencana</li></ol>	
<b>SAMBUNG DISEBELAH</b>		<b>Perhatian : Sila pulangkan "Action Card" ini ke Bilik Gerakan ADU selepas tamat bertugas atau selepas "Stand Down" diumumkan</b>	

**PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN  
PERSEKITARAN U36/32****PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN  
PERSEKITARAN U36/32**

<b>ACTION CARD</b>	
<b>PERANAN</b>	<b>PEGAWAI PENDAFTARAN DAN SUMBER MANUSIA AIR DISASTER UNIT</b>
<b>LOKASI</b>	
<b>TINDAKAN</b>	<b>TINDAKAN</b>
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengambil Action Card di Air Disaster Unit (ADU)</li><li>2. Aktifkan anggota pasukan (PPKP U29 (2 org), PKA, PA, Pemandu) melalui telefon</li><li>3. Mendapatkan anggota gantian sekiranya perlu</li><li>4. Melaporkan diri kepada On Scene Medical Commander (OMC)</li><li>5. Menyediakan kaunter pendaftaran bagi semua ahli Pasukan Tindakan Bencana (PTB)</li><li>6. Mendaftarkan setiap ahli PTB dan kenderaan kesihatan yang masuk ke ADU</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>7. Mengagihkan Action Card kepada semua ahli PTB</li><li>8. Memberikan maklumbalas tentang kekuatan ahli terkini kepada OMC dan Medical Base Commander (MBC)</li><li>9. Memastikan ADU dalam keadaan sedia kala selepas tamatnya operasi bencana</li></ol>
<b>SAMBUNG DISEBELAH</b>	
<b>Perhatian :</b> Sila pulangkan "Action Card" ini ke Bilik Gerakan ADU selepas tamat bertugas atau selepas "Stand Down" diumumkan	

**PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN  
KANAN U42**

**PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN  
PERSEKITARAN U29**

ACTION CARD	
PERANAN	PEGAWAI PERALATAN
LOKASI	AIR DISASTER UNIT

**TINDAKAN**

1. Megambil Action Card di Air Diaster Unit (ADU)
2. Membantu menyediakan katil-katil dan peralatan di ADU mengikut zon (Sila rujuk senarai semak bilangan katil dan peralatan yang diperlukan di setiap zon)
3. Mendapat maklum balas keperluan yang berada di ADU dan stor setiap 30 minit
4. Mendapatkan peralatan yang diperlukan dari Pegawai Stor
5. Melaporkan kepada MBC sekiranya peralatan tidak mencukupi
6. Memastikan perlatan didisinfeksi dan disimpan balik ke Stor selepas "Stand Down"

**Perhatian :** Sila pulangkan "Action Card" ini ke Bilik Gerakan ADU selepas tamat bertugas atau selepas "Stand Down" diumumkan

ACTION CARD	
PERANAN	PEGAWAI LOGISTIK
LOKASI	AIR DISASTER UNIT

**TINDAKAN**

1. Megambil Action Card di Air Diaster Unit (ADU)
2. Membantu menyediakan katil-katil dan peralatan di ADU mengikut zon
3. Memastikan makanan, minuman, tandas, sudut solat & sudut rehat yang mencukupi disediakan untuk semua responder dan mangsa
4. Memastikan tandas dibersihkan dan didisinfeksi selepas "stand down"

**Perhatian :** Sila pulangkan "Action Card" ini ke Bilik Gerakan ADU selepas tamat bertugas atau selepas "Stand Down" diumumkan

**PENYELIA JURURAWAT U42**

**PEMBANTU KESIHATAN AWAM**

**ACTION CARD**

<b>PERANAN</b>	<b>PEGAWAI KEBAJIKAN</b>
<b>LOKASI</b>	<b>AIR DISASTER UNIT</b>

**TINDAKAN**

1. Megambil Action Card di Air Diaster Unit (ADU)
2. Membantu menyediakan katil-katil dan peralatan di ADU mengikut zon
3. Memastikan setiap anggota mendapat peluang rehat dan perlepasan yang mencukupi
4. Memastikan setiap anggota dan mangsa mendapat psikososial support jika perlu

**ACTION CARD**

<b>PERANAN</b>	<b>PEMEGANG KUNCI</b>
<b>LOKASI</b>	<b>AIR DISASTER UNIT</b>

**TINDAKAN**

1. Terima infoblast dari Pegawai Kesihatan Daerah Kulai
2. Mengambil bag kunci ADU di Post Guard 5 dan memegang kunci sehingga stand down.
3. Membuka stor dan ADU
4. Menghubungi pegawai Senai Cargo (07 599 0714) untuk sediakan jentera forklift
5. Membantu Pegawai Peralatan memindahkan peralatan yang diperlukan ke ADU
6. Membantu menyediakan katil-katil dan peralatan di ADU mengikut zon
7. Memastikan kunci diserahkan semula kepada Post Guard 5.

**Perhatian :** Sila pulangkan "Action Card" ini ke Bilik Gerakan ADU selepas tamat bertugas atau selepas "Stand Down" diumumkan

**Perhatian :** Sila pulangkan "Action Card" ini ke Bilik Gerakan ADU selepas tamat bertugas atau selepas "Stand Down" diumumkan

**PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN  
PERSEKITARAN U29**

**PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN  
PERSEKITARAN U29**

**ACTION CARD**

**PERANAN PEGAWAI STOR 1**

**LOKASI AIR DISASTER UNIT**

**TINDAKAN**

1. Terima infoblas Mengambil Kad Tindakan di PKD
2. Melaporkan diri kepada MBC
3. Megambil Kad Tindakan di ADU
4. Menghubungi pegawai *Senai Cargo* (07 599 0714) untuk sediakan jentera *forklift*
5. Mendaftarkan peralatan yang dikeluarkan dari Stor
6. Memastikan semua peralatan yang dikeluarkan disimpan balik ke stor selepas "stand down"

**Perhatian :** Sila pulangkan "Action Card" ini ke Bilik Gerakan ADU selepas tamat bertugas atau selepas "Stand Down" diumumkan

**ACTION CARD**

**PERANAN PEGAWAI STOR 2**

**LOKASI AIR DISASTER UNIT**

**TINDAKAN**

1. Terima infoblas Mengambil Kad Tindakan di PKD
2. Melaporkan diri kepada MBC
3. Megambil Kad Tindakan di ADU
4. Menghubungi pegawai *Senai Cargo* (07 599 0714) untuk sediakan jentera *forklift*
5. Mendaftarkan peralatan yang dikeluarkan dari Stor
6. Memastikan semua peralatan yang dikeluarkan disimpan balik ke stor selepas "stand down"

**Perhatian :** Sila pulangkan "Action Card" ini ke Bilik Gerakan ADU selepas tamat bertugas atau selepas "Stand Down" diumumkan

## PASUKAN TINDAKAN BENCANA KK KULAI

<b>PEGAWAI PERUBATAN</b>	<b>PEGAWAI PERUBATAN</b>																				
<b>ACTION CARD</b>	<b>ACTION CARD</b>																				
